

## **UMNO benteng perpaduan – Muhyiddin**

### **Utusan Online**

**12 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 11 Mei - Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan seluruh ahli UMNO bahawa seandainya parti itu sebagai benteng kepada rakyat rosak dan terhakis, maka rosaklah segala perpaduan dan keharmonian yang terbina selama ini.

Tegas Timbalan Presiden UMNO itu, dengan itu tiadalah yang paling bermakna buat parti yang menjadi tonggak Barisan Nasional (BN) itu melainkan kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Serentak itu, beliau mahu ahli parti itu tidak hanya berjuang memartabatkan kuasa politik sedia ada tetapi perlu mempertahankan seluruh isi perjuangan dan nasib bangsa.

Sambil menyifatkan UMNO akan berdepan dugaan paling getir pada pilihan raya kali ini, beliau berkata, dalam soal ini, ahli parti tidak boleh membenarkan sama sekali musuh-musuhnya merosakkan perpaduan dan keharmonian yang telah dibina selama ini.

"Suka saya mengingatkan seluruh ahli UMNO bahawa kita tidak punya banyak masa lagi untuk bersiap siaga. Pilihan raya sudah benar-benar hampir tiba.

"Kita harus menyediakan saf pejuang UMNO yang sebenar-benarnya kuat bekerja dan mampu memenangi hati rakyat.

"YAB Presiden, kami telah bersedia mengorak langkah. Taat setia sudah kami tumpahkan. Tiuplah semboyan perang. Ayuh kita ke medan juang," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 120,000 hadirin pada Majlis Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-66 di Stadium Nasional Bukit Jalil malam ini.

Kata beliau, ahli UMNO perlu bersatu bagi menghalang golongan musuh daripada terus menyebarkan dakyah dan ideologi songsang sehingga boleh mempengaruhi akidah Islam.

Jika dibiarkan, katanya, golongan berkenaan akan merosakkan amalan hidup beretika dan bermoral yang telah diamalkan masyarakat sejak sekian lama.

Hakikatnya, menurut beliau, UMNO dan Barisan Nasional (BN) kini berada di detik masa perjuangan berbeza yang menyaksikan landskap politik negara telah berubah.

Katanya, keadaan itu menuntut UMNO dan BN melakukan pendekatan berbeza berbanding yang diamalkan sebelum ini.

Namun, tegas beliau, agenda politik serta transformasi yang dipelopori UMNO dalam menghadapi perubahan itu tidak sesekali menghalang parti tersebut daripada terus mempertahankan prinsip negara berasaskan Rukun Negara dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

"UMNO sudah membuktikan kemampuan untuk berubah mengikut kesesuaian masa tanpa mengorbankan asas dan matlamat perjuangan parti.

"66 tahun umur UMNO menyaksikan kita tidak pernah berkompromi dengan apa yang kita perjuangkan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0512&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0512&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm)